

Polis rampas kokain

RM600,000 di Chow Kit

Tiga lelaki Afrika, 2 Pakistan dipercayai anggota sindiket ditahan

KUALA LUMPUR: Polis menahan tiga lelaki warga Afrika dan dua warga Pakistan dipercayai anggota sindiket pengedaran dadah antarabangsa dan merampas kokain seberat 2.9 kilogram (kg) bernilai RM600,000 dalam serbuan di Jalan Chow Kit, di sini, kelmarin.

Semua suspek berusia 25 hingga 39 tahun disyaki mempunyai kaitan dengan sindiket merekrut penyeludup dadah di negara ini yang ditumpaskan polis berikutan penahanan seorang suri rumah bersama tiga pelajar kolej swasta warga Afrika di Damansara Perdana, dekat sini, 26 Februari lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Mohd Shukri Dahlan, berkata siasatan polis mendapati kedua-dua sindiket itu menggunakan modus operandi sama, iaitu menelan dadah untuk diseludup ke luar negara.

“Kita menemui 229 bungkus kecil dadah yang diisi dalam sarung getah untuk ditelan penyeludup bagi melepasi kawalan pihak berkuasa di lapangan terbang negara destinasi.

“Siasatan turut mendapati sindiket itu menjadikan Malaysia sebagai transit dan dadah berkenaan bukan untuk pasaran negara ini,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Beliau berkata, polis percaya sindiket itu mempunyai rangkaian antarabangsa yang besar dan anggotanya masih aktif di Malaysia serta beberapa negara lagi.

“Kita sedang bekerjasama dengan polis negara terbabit, selain Interpol untuk mengenal pasti identiti dan menjejaki mereka,” katanya yang enggan mendedahkan negara terbabit.

Pada 26 Februari lalu, polis menahan seorang suri rumah dipercayai anggota sindiket pengedaran dadah antarabangsa dan bertanggungjawab merekrut penyeludup dadah di



BARANG RAMPASAN: Mohd Shukri menunjukkan dadah yang dirampas daripada lima warga asing di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, semalam.

negara ini.

Wanita berusia 45 tahun itu ditahan bersama empat penuntut kolej swasta warga Afrika di sebuah pangapuri di Damansara Perdana, di sini, ketika memasukkan heroin tulen bernilai hampir RM1 juta ke dalam sarung getah.

Mengulas lanjut mengenai serbuan jam 5.30 petang kelmarin, Shukri berkata, semua suspek ditahan ketika berurusan di Jalan Chow Kit.

“Selain dadah, turut dirampas ialah wang tunai kira-kira RM98,500

FAKTA NOMBOR

Rampasan dadah

229

Bungkusan kecil

2.9kg

Berat kokain

dalam mata wang Amerika Syarikat, Singapura, India, China dan Bangladesh,” katanya.

Katanya, dua suspek warga Pakistan disyaki direkrut untuk menyeludup dadah keluar dari Malaysia dan siasatan mendapati kedua-dua mereka tiba di negara ini, Ahad lalu, menggunakan pas pelancong.

“Dua daripada tiga warga Afrika itu pula mendakwa belajar di sebuah kolej swasta di Lembah Klang sejak setahun lalu. Kita masih siasat latar belakang mereka,” katanya.